

# Islam Tidak Memusuhi Amalan Tempatan Yang Baik

[Rencana ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 10 Mac 2017 dengan tajuk "Ijtihad ikut realiti setempat"]



Seorang tokoh sarjana Amerika Syarikat yang tidak asing lagi yang juga pengasas Kolej Pengajian Tinggi Zaytuna California Amerika Syarikat, Sheikh Hamzah Yusuf Hanson telah menyebut betapa ajaran Islam ini harus difahami secara komprehensif dan bukannya

picisan. Beliau turut menegaskan betapa ajaran Islam ini ajaran yang mempertahankan budaya setempat dan tidak memusnahkannya selagi mana budaya setempat tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan penggulungan dalam program "*Reviving the Islamic Spirit*" yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), dan Al-Naqiy Solutions. Radio IKIMfm bertindak sebagai radio rasmi program dua hari ini yang diadakan pada 4-5 Mac 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Program tersebut telah dihadiri oleh seramai lebih 3,000 orang peserta daripada dalam dan luar negara dengan syarahan daripada seramai 12 orang penceramah terkemuka dunia. Turut hadir YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Timbalannya, YB Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki dan Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

Beliau seterusnya menyambung, ketika pendakwah dari Hadramawt Yaman sampai ke Nusantara ini sekitar kurun ke-12 Masehi lalu

untuk menyebarkan ajaran Islam, mereka tidak pernah membawa budaya Yaman untuk diterapkan di Tanah Melayu. Masjid-masjid di sini dibina mengikut suasana tempatan dengan mengambil kira cuaca dan iklim Nusantara tanpa dibawa senibina Yaman ke sini. Ketika pendakwah Islam Syria masuk ke Andalusia (kini Sepanyol), masjid-masjid di sana tidak dibina sepertimana senibina masjid-masjid di Syria, tetapi sebaliknya mengambilkira budaya masyarakat Andalusia dan dibina sepertimana seakan-akan rekabentuk gereja, kerana itulah suasana dan budaya masyarakat di situ. Apabila Islam masuk ke China, perkara yang sama berlaku tanpa ada usaha daripada para pendakwah pada ketika itu untuk memusnahkan budaya setempat dan menggantikan dengan budaya Timur Tengah atau Arab. Begitu juga ketika Islam bertapak di Turki, senibina Roma terus dikekalkan kerana itulah budaya masyarakat di situ. Itulah indahnya Islam berbanding ajaran agama lain. Ada sesetengah bangsa yang apabila masuk dan menjajah negara lain, maka akan dimusnahkan sekalian penduduk asalnya seperti mana yang pernah menimpa kaum Red Indian dan kaum-kaum asli di tempat lain. Tetapi berbeza dengan ajaran Islam, apabila ketika mula-mula masuk ke Andalusia (kini Sepanyol), tiada sebuah gereja pun yang dimusnahkan dan hakikat ini diakui sendiri orang para sarjana Kristian Barat yang turut menyokong bahawa tiada bukti empirikal bahawa ada gereja yang dimusnahkan oleh umat Islam. Begitu juga ketika mula-mula Islam masuk ke Mesir, penganut Kristian boleh terus beramal dengan ajaran mereka dan dikatakan bahawa hanya selepas 500 tahun Islam bertapak di Mesir, barulah penganut Islam meningkat kepada 50% daripada keseluruhan penduduk Mesir. **Sheikh Dato' Dr. Afifi al-Akiti**, seorang tokoh ilmuwan Malaysia yang kini menjadi Pensyarah di Universiti Oxford UK pula sebelum itu turut menyebut perkara yang sama betapa ada sesetengah arkitek yang cuba menerap rekabentuk masjid di Timur Tengah yang iklimnya jarang menerima limpahan hujan lalu untuk dibangunkan di sini hingga akhirnya menyebabkan kerap berlaku kebocoran pada bumbung masjid di negara kita kerana rekabentuk yang tidak sesuai dengan iklim tempatan.

Justeru itu, ajaran Islam tidak pernah menganjurkan agar membuang budaya setempat atau menghapuskan amalan masyarakat setempat selagi mana amalan tersebut tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang dianjurkan Islam. Sebab itu ada kaedah dalam Usul al-Fiqh yang menyebut "*Al-Adah Muhakkamah*" atau "adat (yang baik) itu boleh menjadi dasar menetapkan hukum."

Para ulama silam memahami benar bahawa faktor realiti keadaan setempat (*fiqhul waqi'*) perlu diambil kira sebelum sesuatu hukum itu diputuskan. Ada sesetengah hukum yang memerlukan ijtihad para ulama akan berubah berdasarkan realiti tempat tersebut. Beliau seterusnya memberikan analogi betapa seorang yang mengidap penyakit asma di negara yang beriklim sejuk disebabkan kelembapan udara tidak sama ubatnya dengan mereka yang mengidap asma di negara yang beriklim panas disebabkan debu, walaupun pada zahirnya menampakkan dua-dua mengidap penyakit asma. Doktor yang bijaksana tidak akan memberi ubat yang sama untuk penyakit yang seolah sama tetapi puncanya yang berbeza kerana hakikatnya dua penyakit tersebut adalah berbeza kerana puncanya berbeza walaupun nampak seolah sama. Oleh kerana itulah, ujar beliau adalah tidak wajar bagi rakyat Malaysia ini mengambil fatwa daripada para ulama Mesir, atau Saudi misalnya dalam hal-hal melanda negara ini, yang tidak memahami dan mengerti realiti masyarakat di negara ini kerana mereka tidak memenuhi salah satu syarat untuk memberi fatwa iaitu mestilah memahami realiti setempat. Para ulama di Malaysia inilah yang lebih mengerti tentang keadaan dan realiti masyarakat di negara ini dan lebih aila dan utama untuk memutuskan hukum yang sesuai dengan keadaan di sini. Beliau turut memuji masyarakat Malaysia yang dapat hidup aman dan damai dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Ianya lambang kebijaksanaan pemerintah dan para ulama dalam mengurus negara ini, dan menjaga sensitiviti setiap agama bagi mengelakkan permusuhan dan perpecahan. Beliau mengingatkan umat Islam Malaysia agar menghormati ijtihad ulama tempatan yang lebih memahami konteks di negara ini.~NRAS.

Sumber: <http://roskiman.com>